



Ministry of Education
SINGAPORE

MOE COS 2022

BELAJAR UNTUK KEHIDUPAN:

KEYAKINAN UNTUK MASA HADAPAN BAHARU

Kami bertekad untuk menyokong para pelajar di setiap peringkat pendidikan dan bekerjasama dengan para pendidik serta anggota masyarakat yang lain dalam usaha memacu inisiatif Belajar Untuk Kehidupan.



Memperluas Laluan dan Peluang Pendidikan Sepanjang Hayat



Laluan pendidikan yang lebih mudah dan fleksibel

- Melaksanakan Pengumpulan Berdasarkan Subjek Secara Penuh (SBB Penuh) secara progresif di sekolah menengah dari tahun 2020 hingga 2024
- Sekolah Perempuan Crescent, Sekolah Perempuan Tanjong Katong dan Sekolah Menengah Tanjong Katong akan menyertai SBB Penuh pada tahun 2024
- Meluaskan Program Asas Politeknik
- Meningkatkan Jumlah Pengambilan Masuk Secara Langsung Sekolah - Maktab Rendah

Pelaburan untuk pembelajaran sepanjang hayat

- Kajian meningkatkan “kadar pelibatan kohort sepanjang hayat”
- Melaksanakan cadangan daripada Semakan Peluang dalam Pendidikan Gunaan
- Rakan Kerjasama Industri akan meningkatkan peluang latihan amali, peningkatan kemahiran dan akses kepada pekerjaan yang baik untuk graduan politeknik dan ITE
- Program Peralihan Kerjaya SkillsFuture Baharu untuk pekerja pertengahan kerjaya
- Lebih banyak kursus disertakan di bawah Kredit SkillsFuture Tambahan (Sokongan Pertengahan Kerjaya)

Memupuk Pelajar yang Yakin dan Berdaya Tahan



Memperkukuh kecekapan sosial dan emosi

- Melancarkan Rangka Kerja Memupuk Pelajar Pada Peringkat Awal yang Disemak Semula
- Melaksanakan Kurikulum Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan yang diperbaharui di Sekolah
- Kurikulum LifeSkills untuk Institut Pengajian Tinggi (IHL)

Membina kemahiran yang tersedia untuk masa depan

Lebih banyak masa dan ruang untuk memperkembang lagi Kemahiran Abad Ke-21

- Meniadakan peperiksaan pertengahan tahun untuk semua peringkat sekolah rendah dan menengah menjelang tahun 2023; menyemak semula kandungan kurikulum dan jangkaan penilaian dalam sistem pendidikan am secara keseluruhannya

Lebih banyak pendedahan kepada hubungan yang pelbagai

- Setiap sekolah mempunyai usaha sama dengan pihak luar negara; Merintis Program Bahasa Ketiga Modular

Penghayatan Bahasa Ibunda yang lebih mendalam

- Memperkenalkan pusat keempat Program Elektif Bahasa Melayu untuk Sekolah Menengah

Menyokong pelajar yang mempunyai pelbagai keperluan

Kesejahteraan mental

- Bekerjasama dengan rakan kongsi masyarakat dan mengukuhkan kebolehan sekolah, politeknik dan ITE untuk menyokong semua golongan pelajar

Daripada latar belakang yang kurang bernasib baik

- Lebih banyak pelajar akan menerima bantuan UPLIFT

Pelajar Politeknik dan ITE dengan keperluan rumit

- Bantuan yang lebih tepat masa dan lebih berkesan

Murid Darjah 1 dengan masalah sosial dan tingkah laku

- Meneruskan pelaksanaan Sokongan Peralihan untuk Integrasi bagi Pelajar Baharu (TRANSIT)

Pendidikan khas

- Pembukaan Sekolah Misi St. Andrew untuk pelajar Autisme yang berupaya melalui kurikulum nasional.
- Sekolah baharu untuk pelajar Kurang Upaya Pelbagai akan ditubuhkan

Memperkasakan Pendidik untuk Meneraju Perubahan



- Meluaskan perspektif guru dan pengetahuan industri melalui Skim Penempatan Kerja Guru Lanjutan
- Menguruskan tanggungjawab guru dan menyediakan sokongan kesejahteraan mental yang lebih menyeluruh

Memupuk Peneraju Sekitaran dan Pemimpin Kemampanan



- Di Institut Pengajian Tinggi, graduan akan disediakan dengan peluang pekerjaan mesra sekitaran (hijau) dan meneroka projek penyelidikan dan inovasi yang menyumbang kepada usaha kemampanan Singapura
- Di peringkat sekolah, inisiatif kemampanan melalui Program Teraju Eko akan dimajukan

Anjakan Minda Melalui Usaha Sama



- Berkomunikasi dan menyokong ibu bapa melalui Kumpulan Sokongan Ibu Bapa dan majlis Sokongan Masyarakat dan Ibu Bapa kepada Sekolah berkenaan topik-topik seperti meningkatkan kesejahteraan mental anak-anak dan meluaskan takrif kejayaan
- Bekerjasama dengan kumpulan masyarakat seperti Rangkaian Kesejahteraan Mental Belia dan UPLIFT

Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.moe.gov.sg/microsites/cos2022

